

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN GERAN BANTUAN KHAS SECARA ONE-OFF RM3000.00 DI BAWAH INISIATIF PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA) BAGI SYARIKAT PENGENDALIAN PELANCONGAN YANG BERLESEN DI BAWAH MOTAC

1. Adakah semua syarikat pengendali pelancong layak untuk Bantuan Kewangan Geran Bantuan Khas sebanyak RM3000 di bawah inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA)?

**Ya. Semua syarikat yang memegang lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang memenuhi syarat layak memohon bantuan ini.**

2. Adakah lesen syarikat yang telah tamat tempoh pada 31 Disember 2019/15 Julai 2021 layak menerima bantuan ini?

**Tidak layak. Syarikat yang tamat tempoh mulai 1 Januari 2020 hingga 15 Julai 2021 hanya layak dipertimbangkan sekiranya telah mengemukakan permohonan pembaharuan dengan Pejabat MOTAC Negeri pada atau sebelum 15 Julai 2021 dengan syarat semua dokumen pembaharuan telah lengkap dihantar dan fi proses telah dibayar.**

3. Adakah syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak layak menerima bantuan ini?

**Syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak yang dikeluarkan oleh MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] dan telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan layak menerima bantuan ini.**

4. Adakah Bantuan Kewangan Geran Bantuan Khas sebanyak RM3000 Di Bawah Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA) ini dikategorikan mengikut jenis lesen syarikat?

**Tidak. Semua syarikat yang memegang apa-apa jenis lesen layak memohon seperti syarat yang ditetapkan (*inbound/outbound/ ticketing/umrah*).**

5. Sekiranya syarikat saya yang mempunyai 1 atau lebih cawangan, adakah setiap cawangan layak memohon bantuan *One-Off* ini?

**Tidak. Setiap syarikat pengendali pelancongan yang berlesen hanya layak mengemukakan satu (1) permohonan sahaja walaupun syarikat mempunyai satu (1) atau lebih cawangan.**

6. Jika terdapat syarikat pengendali pelancongan yang tidak layak menerima bantuan ini berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh MOTAC, adakah syarikat tersebut boleh membuat rayuan kepada MOTAC?

**Hanya syarikat pengendali pelancongan berlesen yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini. Keputusan adalah muktamad dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.**

7. Sekiranya ada pertanyaan lanjut berkenaan dengan bayaran bantuan *One-Off* RM3,000.00 di bawah inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA), bagaimanakah orang ramai boleh mendapat maklumat?

**Makluman berkenaan bayaran bantuan *One-Off* ini akan diumumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi dan Facebook rasmi MOTAC. Orang ramai juga boleh menghubungi Pejabat MOTAC Negeri yang berdekatan.**

8. Di manakah syarikat perlu mengemukakan Borang PEMERKASA TOBTAB dan dokumen sokongan yang lain bagi menerima bantuan ini?

**Syarikat pengendali pelancong yang layak perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan yang lain melalui borang atas talian (<http://www.motac.gov.my/pemerkasamotac2021/permohonan>) atau mengemukakan borang secara manual kepada Pejabat MOTAC Negeri di mana lesen Ibu Pejabat syarikat dikeluarkan.**

9. Adakah syarikat pengendali pelancongan boleh mewakilkan cawangannya mengemukakan permohonan bagi ibu pejabatnya?

**Tidak. Hanya Ibu pejabat syarikat induk sahaja yang layak menerima bantuan ini.**